

KESATUAN PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN SEMENANJUNG MALAYSIA (National Union Of The Teaching Profession Peninsular Malaysia)

13 & 15, Jalan Murai Dua, Kompleks Batu, Off Jalan Sultan Azlan Shah (Jalan Ipoh), 51200 Kuala Lumpur.

Tel: 03-6251 0621 / 6251 0623 Faks: 03-6251 1060 / 6258 2946 (Ibu Pejabat)

Tel Bhg. Insurans: 03-6253 5725 Fax : 03-6253 0261

E-mel: mail@nutp.org / nutphq@gmail.com Laman Web: <http://www.nutp.org>

f : Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Semenanjung Malaysia @nutphq

Presiden

Sdr. Kamarozaman Bin Abd. Razak

Setiausaha Agung

Sdr. Harry Tan Huat Hock, PJK

KENYATAAN AKHBAR

**Kepada : Ketua Pengarang
Semua Akhbar dan Media Tempatan**

**Daripada : Sdr. Harry Tan Huat Hock, PJK
Setiausaha Agung NUTP**

No. H/P : 012-6358065

Tarikh : 14 Mei 2018


NUTP RAYU MEMBATALKAN PENYURAIAN/PENUTUPAN INSTITUT PENDIDIKAN GURU (IPG)

Pihak NUTP mohon agar pihak kerajaan dapat membatalkan penyuraian/penutupan Institut Pendidikan Guru (IPG). Pihak NUTP melihat isu penyuraian ini telah menjadi kekeliruan kepada pensyarah-pensyarah terlibat dan turut memberi implikasi kepada sektor pendidikan negara.

Justeru, pihak NUTP berpendapat bahawa 27 buah Institut Pendidikan Guru (IPG) ini wajar dikekalkan agar ia menjadi salah sebuah pusat pendidikan dan antara alasan yang menyokong rayuan ini adalah:

- i. Institut Pendidikan Guru (IPG) masih lagi relevan digunakan sebagai pusat latihan-latihan dalam perkhidmatan kerana:
 - Penjimatan kos dalam mengendalikan latihan-latihan dalam perkhidmatan
 - Pensyarah di IPG terdiri dari kalangan mereka yang mempunyai kepakaran dalam bidang-bidang tertentu
 - IPG mempunyai kemudahan bilik kuliah yang lengkap, penginapan yang selesa dan sangat sesuai untuk bakal guru serta tempat guru menjalani latihan
- ii. IPG merupakan tempat dimana bakal guru/ guru menjana ilmu dan ia menjadi kebanggaan guru-guru di Malaysia

...2/



KESATUAN PERKHIDMATAN PERGURUAN KEBANGSAAN SEMENANJUNG MALAYSIA
(National Union Of The Teaching Profession Peninsular Malaysia)

13 & 15, Jalan Murai Dua, Kompleks Batu, Off Jalan Sultan Azlan Shah (Jalan Ipoh), 51200 Kuala Lumpur.

Tel: 03-6251 0621 / 6251 0623 Faks: 03-6251 1060 / 6258 2946 (Ibu Pejabat)

Tel Bhg. Insurans: 03-6253 5725 Fax : 03-6253 0261

E-mel: mail@nutp.org / nutpha@gmail.com Laman Web: <http://www.nutp.org>

f : Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Semenanjung Malaysia @nutpha

Presiden

Sdr. Kamarozaman Bin Abd. Razak

Setiausaha Agung

Sdr. Harry Tan Huat Hock, PJK

-2-

- iii. IPG juga boleh dijadikan sebagai tempat untuk semakan sistem peperiksaan, menjalankan aktiviti kurikulum, kokurikulum atau sukan
- iv. Menjadikan IPG sedia ada sebagai salah sebuah pusat informasi dan inovasi
- v. IPG boleh dijadikan pusat kolaborasi antarabangsa untuk warga pendidik dalam mendapatkan latihan/amalan yang terbaik (*best practices*).
- vi. Menjadikan IPG sebagai sebuah tempat rujukan dalam bidang pendidikan
- vii. IPG merupakan tempat bagi membentuk dan mengembangkan ciri-ciri profesionalisme bakal guru

Oleh itu, pihak NUTP menyeru agar kepimpinan baharu ini dapat membatalkan arahan penutupan Institut Pendidikan Guru (IPG) ini dibuat tetapi dapat malah memperkasakan institusi tersebut ke arah yang lebih cemerlang.


HARRY TAN HUAT HOCK, PJK
SETIAUSAHA AGUNG NUTP